

19 NOV 1996

TELEKOM MALAYSIA TERSENARAI DLM PROGRAM PENSWASTAAN TELEKOM AFRIKA SELATAN

Oleh: R. Ravichandran

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Telekom Malaysia Bhd tersenarai bersama-sama Southern Bell Company dari Amerika Syarikat untuk merebut peluang yang terdapat dalam program penswastaan Telecom South Africa.

Kedua-dua syarikat disenarai pendekkan bersama-sama France Telecom dan Deutsche Telekom AG daripada lapan syarikat dari seluruh dunia untuk merebut projek tersebut kata Menteri Pos, Telekomunikasi dan Penyiaran Afrika Selatan, Jay Naidoo.

"Projek itu mendatangkan hasil lumayan kerana pihak yang berjaya akan menyertai kerja-kerja pembesaran kemudahan dan perkhidmatan telekomunikasi terbesar yang pernah dilaksanakan di benua Afrika setakat ini," kata beliau kepada Bernama di sini hari ini.

"Ia bernilai berbilion ringgit kerana kami berhasrat memperluaskan rangkaian termasuk menambah jumlah talian ke kawasan luar bandar, mengadakan latihan dan menggunakan internet melalui penggunaan perkhidmatan multimedia," tambah beliau.

Kini, Afrika Selatan yang mempunyai penduduk melebihi 42 juta hanya mempunyai satu talian bagi setiap 8.5 orang dengan jumlah talian sebanyak empat juta di seluruh negara.

Naidoo, yang pada sebelah pagi hari ini mengadakan kunjungan hormat ke atas Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, berkata jemaah menteri Afrika Selatan sedang menimbang tawaran yang diterima oleh syarikat-syarikat berkenaan dan akan membuat keputusan mengenainya April tahun depan.

Beliau tiba di sini pada Ahad untuk lawatan kerja empat hari ke negara ini. Beliau menemui para pegawai kanan Telekom Malaysia semalam dan dijangka menemui Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Chan Kong Choy esok.

Menurut beliau Telecom South Africa banyak belajar daripada kejayaan program penswastaan yang dilaksanakan oleh Malaysia.

Naidoo, yang melawat Tokyo dan Beijing sebelum tiba di Malaysia berkata lawatan beliau ke negara ini adalah selaras dengan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Presiden Nelson Mandela agar Malaysia dan Afrika Selatan melihat lebih jauh daripada hubungan erat yang wujud antara kedua-dua negara dan meneroka projek secara bersama.

Urus niaga saham Telekom Malaysia di Bursa Saham Kuala Lumpur hari ini ditutup pada RM23.20, naik 10 sen berbanding penutupan semalam. -- BERNAMA

RV DIN/sia